

10/04/2001

Kementerian sedia bincang, pujuk MTUC batal piket

KUALA LUMPUR, Isnin - Kementerian Sumber Manusia bersedia mengadakan perbincangan dengan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dalam usaha memujuk kesatuan itu membatalkan piket yang dirancang pada 12 Mei ini.

Menterinya, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata secara dasarnya kementerian bersetuju menemui MTUC bagi menyelesaikan pelbagai isu berkaitan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang dikatakan mendapat bantahan kesatuan berkenaan.

Beliau berkata, keputusan MTUC untuk berpiket tidak wajar kerana kerajaan mengurangkan kadar caruman wang KWSP bagi merangsang ekonomi negara serta mengelak kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat.

"MTUC perlu melihat usaha kerajaan dalam konteks yang lebih luas, yang ingin melihat pekerja terus bekerja walaupun negara mengalami kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Operasi Tapak Bina Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) 2001 di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang meminta orang ramai tidak menambah beban kerajaan ketika negara menghadapi masalah.

Sementara itu, Presiden MTUC, Senator Zainal Rampak, berkata Majlis Tertinggi MTUC akan bermesyuarat pada 20 April ini bagi membincangkan lebih lanjut berhubung keputusan mengadakan piket 12 Mei.

Katanya, pintu perbincangan dengan kerajaan juga masih terbuka dan beliau bersedia menemui Dr Mahathir untuk menyampaikan pandangan dan hasrat pekerja mengenai isu KWSP yang menjadi punca kesatuan itu merancang mengadakan piket pada 12 Mei ini.

"Saya ingin menerangkan kepada Perdana Menteri dari hati ke hati. Inilah pandangan akar umbi pekerja dan sepatutnya kerajaan mendengar suara rakyat.

"Piket aman yang akan dilakukan MTUC bukannya mogok dan tidak menjejaskan ekonomi negara. Kadang-kadang dalam negara demokrasi, kita kena benarkan pekerja meluahkan pandangan.

"Kita pekerja yang taat setia. Piket secara aman tidak akan mengeruhkan keadaan kerana dilakukan oleh pekerja yang bercuti," katanya selepas perasmian Forum Perdana MTUC sempena sambutan Hari Wanita Sedunia di Petaling Jaya.

Zainal berkata, pihaknya bertindak demikian kerana mempertikaikan panel pelaburan KWSP yang tidak telus dalam memberikan maklumat mengenai syarikat yang dipilih untuk melabur serta pemberian dividen KWSP sebanyak enam peratus tahun lalu, yang terendah sejak 26 tahun lalu.

Selain itu, katanya, pelbagai isu berkaitan KWSP tidak dirunding dengan MTUC seperti Skim Anuiti, pengurangan mendadak dalam pemberian jumlah Faedah Kematian dan Hilang Upaya serta yang terbaru isu pengurangan caruman wang KWSP sebanyak dua peratus.

"Pengurangan dua peratus ini tidak memberi banyak kesan kepada peningkatan perbelanjaan orang ramai. Sebaliknya, ia meningkatkan kadar cukai pendapatan yang terpaksa dibayar oleh orang ramai," katanya.

(END)